

AYAT TUNGGAH DAN AYAT MAJMUH

Arahan:

Berdasarkan cerita di bawah, kenal pasti ayat empat Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk yang terdapat dalam teks.

Boleh saya bantu, Ibu?

Pada pagi Sabtu, Aina berada di dapur bersama ibunya. Ibu mahu memasak nasi lemak untuk sarapan pagi. Aina berkata, "Boleh saya bantu, Ibu?" Ibu tersenyum dan meminta Aina memotong timun serta mengupas telur rebus. Aina berhati-hati menggunakan pisau kerana alat itu tajam. Ibu mengingatkan Aina supaya memotong di atas papan pemotong dan tidak dekat dengan pinggan.

Sementara itu, ibu memasak sambal di atas dapur gas. Aina melihat wap naik dari kuili lalu bertanya, "Ibu, kenapa ada asap?" Ibu menjelaskan bahawa apabila cili dipanaskan, wap air dan gas keluar dari bahan masakan. Aina belajar bahawa haba boleh mengubah bahan mentah menjadi masakan yang siap dimakan. Selepas semuanya siap, mereka menghidang makanan di meja makan. Aina berasa bangga kerana dia bukan sahaja membantu ibu, tetapi juga belajar tentang perubahan bahan dalam sains.



AYAT TUNGGAH

AYAT TUNGGAH DAN AYAT MAJMUH

Arahan:

Berdasarkan cerita di bawah, kenal pasti ayat empat Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk yang terdapat dalam teks.

Boleh saya bantu, Ibu?

Pada pagi Sabtu, Aina berada di dapur bersama ibunya. Ibu mahu memasak nasi lemak untuk sarapan pagi. Aina berkata, "Boleh saya bantu, Ibu?" Ibu tersenyum dan meminta Aina memotong timun serta mengupas telur rebus. Aina berhati-hati menggunakan pisau kerana alat itu tajam. Ibu mengingatkan Aina supaya memotong di atas papan pemotong dan tidak dekat dengan pinggan.

Sementara itu, ibu memasak sambal di atas dapur gas. Aina melihat wap naik dari kuali lalu bertanya, "Ibu, kenapa ada asap?" Ibu menjelaskan bahawa apabila cili dipanaskan, wap air dan gas keluar dari bahan masakan. Aina belajar bahawa haba boleh mengubah bahan mentah menjadi masakan yang siap dimakan. Selepas semuanya siap, mereka menghidang makanan di meja makan. Aina berasa bangga kerana dia bukan sahaja membantu ibu, tetapi juga belajar tentang perubahan bahan dalam sains.



AYAT MAJMUH